



---

**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan  
Bilangan 3/2009**

**Pentakrifan Semula Bahan Batuan (Rock Material)  
Dan Kutipan Hasilnya**

---



**JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN  
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR  
PUTRAJAYA**

© Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, 2010

**Hak cipta terpelihara.** Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

## **Maklumat Dokumen**

Tajuk dokumen	Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bilangan 3/2009
Disediakan oleh	Seksyen Kajian Penyelidikan dan Pembangunan, Bahagian Kemajuan Pengurusan dan Perundangan, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Alamat	Aras 4, Blok Menara, Wisma Sumber Asli, Presint 4, No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62574 Kuala Lumpur
Telefon	03-88712668
Faks	03-88810802
E-mel	skpp@kptg.gov.my
Kategori dokumen	Terbuka
Tarikh kuat kuasa	1 Januari 2010

## Kawalan Versi Dokumen

**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan**  
**Bilangan 3/2009**

**Pentakrifan Semula Bahan Batuan (*Rock Material*) Dan Kutipan Hasilnya**

**Tujuan**

Pekeliling ini dikeluarkan bertujuan memaklum dan menasihatkan Pengarah-pengarah Tanah dan Galian Negeri dan Pentadbir-pentadbir Tanah mengenai pentakrifan semula bahan batuan (*rock material*) dalam Kanun Tanah Negara (KTN) selaras dengan pindaan kepada KTN melalui Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) 2008 [Akta A1333] yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2009.

**Latar Belakang**

2. Sebelum pindaan di atas takrif bahan batuan dalam KTN sebagaimana ditakrifkan dalam seksyen 5 adalah seperti berikut:

‘ “rock material” means any rock, stone, granite, limestone, marble, gravel, sand, earth, laterite, loam, clay, soil, mud, turf, peat, coral, shell or guano within or upon any land, and includes also any bricks, lime, cement or other commodity manufactured therefrom;’

3. Dalam takrifan bahan batuan di atas, terdapat juga bahan-bahan galian (*minerals*) yang berkualiti dan bernilai tinggi yang disenaraikan bersama yang tidak seharusnya diklasifikasikan sebagai bahan batuan. Ini adalah kerana ia akan merugikan hasil pendapatan kerajaan negeri serta tidak dapat meningkatkan penggunaan bahan galian secara optimum dan mengelak pembaziran bagi penggunaan untuk tujuan yang kurang menguntungkan negeri dan negara. Oleh yang demikian, pindaan KTN 2008 telah menggugurkan beberapa bahan batuan daripada takrif “rock material” seperti “granite”, “limestone”, “marble” dan “guano” manakala perkataan “common” ditambah selepas perkataan “sand”, “earth”, “laterite”, dan “clay” dan menggantikan perkataan-perkataan “also any bricks, lime, cement or other commodity manufactured therefrom” dengan perkataan-perkataan “processed materials therefrom, other than minerals defined under any written law relating to mining which is for the time being in force”.

**Tindakan Mengutip Hasil Bahan Batuan dan Bahan Galian**

4. Berikutan dengan pindaan kepada takrif “rock material” pada seksyen 5 KTN melalui Akta A1333 (selepas ini dirujuk sebagai “Akta ini”), senarai bahan batuan di dalam Kaedah-kaedah Tanah Negeri perlu dipinda seperti berikut:

- i) menggugurkan perkataan-perkataan “granite”, “limestone”, “marble” dan “guano”;
- ii) memasukkan perkataan “common” sebelum perkataan “sand”, “earth”, “laterite”, dan “clay”; dan
- iii) menambah jenis bahan batuan lain termasuk bahan-bahan diproses daripada bahan-bahan batuan selain daripada bahan galian sebagaimana didefinisikan dalam mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa berkaitan dengan galian.

5. Selaras dengan Akta ini, Enakmen Mineral Negeri (EMN) perlu dipinda dengan mengambil kira dan memasukkan takrifan bahan-bahan galian (*minerals*) yang telah digugurkan daripada takrifan bahan batuan dalam KTN.

6. Sebelum dikeluarkan sesuatu permit bagi mengalihkan bahan batuan yang tidak ditakrifkan dalam Seksyen 5 KTN oleh PBN, permohonan tersebut perlu dirujuk kepada Jabatan Mineral dan Geosains Negeri bagi mendapatkan pengesahan (*clearance*) sama ada bahan yang dikeluarkan tersebut sebagai bahan batuan (*rock material*) atau bahan mineral.

### **Pemakaian dan Tarikh Kuat Kuasa**

7. Pekeliling ini dikeluarkan dengan persetujuan semua Pengarah Tanah dan Galian Negeri dan Jabatan Peguam Negara, mula berkuat kuasa setelah Kaedah-kaedah Tanah Negeri dan Enakmen Mineral Negeri dipinda dengan sewajarnya.



**(DATO' ABD HALIM BIN AIN)**  
**KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN**

No. Fail: JKPTG(S)/101/KPU/SP&P/1032-3 Jld. 6

Tarikh: 1 Jun 2009